

Headline	Perlu pantauan pakar psikiatri		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Setempat	Color	Full Color
Page No	27	ArticleSize	346 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 13,578	PR Value	RM 40,734



# Perlu pantauan pakar psikiatri

■ Selva boleh dibantu dengan sesi kaunseling dan pemeriksaan berkala tahap kesihatan mentalnya

Rabi 'Atul 'Adawiyah Ismail  
rabiatalul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**B**ekas perogol bersiri warga Malaysia, S Selva Kumar perlu menemui pakar psikiatri secara berkala bagi mengetahui tahap kesihatan mentalnya.

Pensyarah Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani berkata, polis sudah mengeluarkan kenyataan bahawa akan pantau pergerakan dan aktiviti bekas penjenayah ini.

Bagaimanapun, katanya, lebih baik Selva dihantar untuk menemui pakar psikiatri secara berkala untuk mengetahui kecenderungannya dan tahap kesihatan men-

talnya.

"Sepanjang 24 tahun menjalani hukuman penjara di Kanada, sudah pasti dia menjalani proses pemulihan. Namun, tidak salah sekiranya memeriksa tahap kesihatan mentalnya supaya dia tidak mengganggu orang lain.

"Kita tidak boleh terus menghukumnya kerana dia membuat kesalahan di Kanada dan sudah dihukum. Apabila di sini, masyarakat tidak boleh terus menghukumnya, tidak adil kerana mungkin dia dah pulih.

"Namun, dia boleh dibantu dengan berjumpa psikiatri dari semasa ke semasa, pantau dan adakan sesi kaunseling supaya kita tahu pergerakan serta aktiviti lelaki berusia 56 tahun ini," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Mengikut laporan, Selva menjalani hukuman penjara



SELVA Kumar

24 tahun di Kanada selepas didapati bersalah melakukan jenayah seksual termasuk 19 serangan seks dan 24 membabitkan dadah sebelum dibebaskan pada 29 Januari lalu.

Selepas pembebasannya, dia diusir keluar dari Kanada dan pulang ke tanah air Rabu lalu dengan kerajaan Sabah dan Sarawak melarang Selva memasuki kedua-dua negeri

itu serta-merta.

Kelmarin, Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar memaklumkan, polis akan bekerjasama dengan masyarakat dan pasukan komuniti polis untuk memantau Selva dan lelaki itu bersedia dipantau.

Sementara itu, Pensyarah Universiti Teknologi Mara, Ardiana Mazwa Raudah Amir Abdullah, mencadang-

“

Kita tidak boleh terus menghukumnya kerana dia membuat kesalahan di Kanada dan sudah dihukum. Apabila di sini, masyarakat tidak boleh terus menghukumnya”

Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani

kan supaya Selva berada dalam pemantauan pakar psikiatri, selain polis.

"Semua wanita takut apabila mengetahui jenayah yang pernah dia lakukan. Walaupun dia sudah dihukum, tetapi orang ramai akan tetap memberi persepsi negatif terhadap Selva.

"Dia perlu berada dalam pemantauan pakar psikiatri bagi mengetahui tahap ke-

sihatan mentalnya, selain sesi kaunseling untuk dia memulakan kehidupan baru dan tidak terjebak dalam masalah sama," katanya.

Bagi Eksekutif Produser, Azreen Keria, perlu percaya dengan komitmen polis untuk terus memantau pergerakan bekas penjenayah ini tetapi pada masa sama masyarakat tidak boleh terus menghukum.

"Selama 24 tahun meringkuk dalam penjara, dia seharusnya ambil iktibar dengan kejadian berlaku dan berubah sepenuhnya. Masyarakat juga perlu beri peluang untuk dia meneruskan kehidupannya.

"Namun, lebih baik agensi berkaitan membantu dengan memberikannya kaunseling bagi memastikan dia benar-benar sudah berubah dan lihat perkembangannya," katanya.

**24** >> Tahun Selva Kumar meringkuk dalam penjara di Kanada atas kesalahan seksual